



RASMI: Kasim menyempurnakan simbolik perasmian Klinik Pergigian Alawa.

Klinik Pergigian Alawa HUMS sedia beri perkhidmatan pergigian meluas kepada masyarakat setempat

UB 23.03.2023 P.06

KOTA KINABALU: Klinik Pergigian Alawa, Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) sedia untuk menampung keperluan perkhidmatan pergigian bukan hanya kepada warga kakitangan dan pelajar UMS sahaja, tetapi turut diperluaskan kepada orang awam.

Pengarah HUMS, Prof. Dr. Helen Benedict Lasimbang berkata, ini selepas dua unit bilik pergigian di Pusat Rawatan Warga (PRW) UMS sebelum ini dinaik taraf untuk menjadi sebuah Klinik Pergigian yang merupakan salah satu dari Projek Pembangunan HUMS dibawah peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Katanya, rawatan pergigian yang mula diperkenalkan pada tahun 2007 di PRW sebelum ini hanya menawarkan rawatan asas seperti cabutan gigi dan scaling kepada pesakit dalam kalangan warga kakitangan dan pelajar UMS sahaja kerana fasiliti yang kurang lengkap

dan ruang yang sempit.

“Ruangan yang sempit pada ketika itu telah dinaik taraf ke ruangan yang lebih luas dan mempunyai fasiliti yang lebih canggih sebelum ini, dan sudah pun memadai untuk diperluas penggunaannya kepada orang awam.

“Salah satu faktor perluasan perkhidmatan ini adalah bagi mencapai dan mengangkat nilai tanggungjawab sosial korporat dan nilai kemanusiaan, kerana semua golongan tidak mengira umur, bangsa, agama, kakitangan atau bukan kakitangan UMS berhak untuk menerima perkhidmatan kesihatan yang ada,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis perasmian klinik tersebut di PRW yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor.

Helen turut memaklumkan, pada masa ini hanya tiga bilik surgeri dilengkапkan dengan

kemudahan kerusi pergigian yang selesa.

Katanya, HUMS akan menambah dua unit lagi kerusi pergigian bagi melengkapkan kelima-lima bilik surgeri tersebut agar lebih ramai pesakit dapat dirawat dalam satu masa.

“Dalam masa yang sama, makmal pergigian turut dibangunkan untuk mewujudkan perkhidmatan pembuatan gigi palsu (fleksibel atau acrylic), sports mouthguard atau night-guard, dan Removeable Orthodontic Appliance.

“Di samping itu, perkhidmatan X-ray pergigian iaitu OPG, Lateral Cephalogram dan IOPA turut disediakan pada harga yang amat berpatutan,” katanya.

Sementara itu, Kasim dalam ucapan perasmianya berharap dengan wujudnya Klinik Pergigian Alawa HUMS, objektif dan matlamat sebenar penubuhannya dapat dijalankan dengan baik.

“Kita mahu dengar maklum balas pesakit yang datang menceritakan perkhidmatan yang terbaik dengan harga yang sangat perpatutan di klinik ini.

“Harapan saya Klinik Pergigian Alawa dapat memberikan manfaat kepada semua pihak, sementara kualiti dan mutu perkhidmatan yang diberikan perlu dipertingkatkan dari masa ke masa.

“Begitu juga dengan kepelbagaiannya perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan dan disediakan di HUMS diharap mampu menampung keperluan dan tuntutan semasa,” ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly; Bendahari UMS, Badrul Hisham Ismail; Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; dan Penasihat Undang-undang UMS, Awang Suhaizam Bongsu.